

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
TARIKH : 19 Mac 2018
SOALAN : 64**

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan mengapa tiada stok ubat metformin dan perindopril untuk dibekalkan kepada pesakit luar di Hospital Raja Permaisuri Bainun (Ipoh) pada 18 Januari 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menghubungi pihak Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh pada 22 Februari 2018 bagi pengesahan isu yang dinyatakan oleh YB Sungai Siput. Pihak HRPB memaklumkan bahawa tiada aduan berkaitan kekurangan ubat diterima dan bekalan ubat Metformin dan Perindopril tidak pernah terputus sepanjang tahun 2018. Pihak HRPB juga memaklumkan bahawa pemantauan sentiasa dijalankan bagi memastikan stok ubat-ubatan sentiasa mencukupi.

740

Walau bagaimanapun, pihak HRPB mengambil berat akan isu ini dan bersedia menjalankan siasatan yang menyeluruh dan terperinci sekiranya aduan diterima bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan sentiasa dipertingkatkan.

Dalam pada itu, bagi memastikan isu seumpama ini tidak berlaku di masa hadapan, KKM akan sentiasa melakukan pemantauan ke atas fasiliti KKM iaitu dengan memastikan stok ubat - ubatan sentiasa mencukupi untuk penggunaan semasa dan memantau corak penggunaan ubat - ubatan yang mempunyai kadar penggunaan yang tinggi. Selain daripada itu, KKM juga akan memastikan peruntukan ubat diberi keutamaan dalam penyampaian penjagaan kesihatan rakyat yang optimum.

14

SOALAN : 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ABDULLAH SANI B. ABDUL HAMID
(KUALA LANGAT)**

TARIKH : 19 MAC 2018

RUJUKAN : 10715

SOALAN :

**Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan kedudukan jumlah pekerja asing yang
bekerja di Malaysia sehingga 1 Februari 2018.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

**Sehingga 31 Januari 2018, jumlah pekerja asing yang memegang Pas
Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif di
Malaysia adalah seramai 1,760,674 orang pekerja asing. Jumlah ini
mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas
Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia.**